

Diri sentiasa rasa berdosa

Pemuda murung dikecewakan kekasih sejenis

Soalan

SAYA lelaki berusia awal 20-an dan menghadapi masalah tiada minat dengan wanita. Saya pernah dikecewakan menyebabkan beralih arah bercinta dengan pasangan sesama jenis yang dikenali di laman sosial.

Tanpa rasa berdosa saya melakukan hubungan homoseksual bersama pasangan, namun akhirnya saya juga dikecewakan kerana dia mempermainkan saya.

Dia hanya berminat melakukan hubungan seks dan kini menghilangkan diri. Sesungguhnya saya rasa menyesal atas keterlanjuran itu dan merasakan hidup ini tidak berguna lagi.

Saya kini murung dan sentiasa berasa berdosa. Masih ada ruang lagikah untuk saya bertaubat? Saya buntu.

JEJAKA BERDOSA, Perlis

Jawapan

TERIMA kasih kerana sudi berkongsi cerita duka dengan Dr. Kesediaan untuk meluahkan cerita hidup



adalah satu kekuatan. Secara psikologinya, setiap insan ingin berasa dipunyai dan mempunyai.

Fitrah manusia juga ingin mencintai dan dicintai. Apabila perasaan ini wujud, ia membentuk tingkah laku yang kadangkala menyakitkan dan disakiti. Perasaan ingin dicintai dan dipunyai juga membuatkan adik mencari pengganti apabila ditinggalkan bekas kekasih yang pertama.

Kekecewaan terhadap bekas kekasih wanita membuatkan adik mencari kekasih lain. Kebetulan insan yang muncul ialah insan yang sama jenis iaitu lelaki. Apabila kekosongan diri dipenuhi,

manusia akan berasa teruja untuk melakukan perkara yang kadangkala tidak pernah difikirkan akan dilakukan.

Sigmund Freud, seorang ahli psikologi menjelaskan manusia mempunyai id. Id mengarah kepada keseronokan. Cinta yang adik rasa terhadap bekas kekasih lelaki mengimarahkan rasa id sehingga berlakulah hubungan seksual.

Namun, cinta itu ibarat madu dan racun. Kadangkala, ia sangat indah, kadangkala begitu menyakitkan. Adik ditinggalkan sekali lagi.

Putusnya kasih sayang bererti sekali lagi kekosongan diri mengikat adik. Bererti juga,

putusnya perasaan dipunyai. Sememangnya kosong hidup. Memang menyedihkan, apatah lagi kali ini selepas adik melakukan perbuatan menyalahi agama.

Tuhan bersifat pengampun dan penyayang. Setiap umat-Nya yang bertaubat mempunyai ruang untuk memperbaiki diri. Taubat bererti juga adik tidak mengulangi perbuatan terkutuk ini.

Jika adik dapat hilangkan rasa berdosa ini, perasaan bahawa hidup adik ibarat tidak berguna lagi akan hilang sedikit demi sedikit. Berikan adik masa untuk mencari semula diri dan berasa bahawa hidup ini indah.

Keceriaan juga akan muncul sedikit demi sedikit. Kekuatan diri dan masa diperlukan. Dr akui, ia bukan mudah seperti yang disangkakan. Tapi dengan azam, tekad serta taubat, insya-Allah, adik boleh mencari sinar bahagia dalam hidup.

Dr doakan selamat berjaya mencari kebahagiaan hidup. Semoga menemui pasangan yang ikhlas mencintai adik tanpa noda dan dosa.

Derita cintai suami orang

Soalan

SAYA pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Saya ingin meminta pendapat mengenai masalah ini. Saya berkenalan dengan seorang lelaki yang jauh lebih tua daripada saya. Pendek kata, saya sangat sukakan peribadinya sehingga dia berjumpa ibu di kampung.

Ibu juga suka dan menerimanya dengan baik. Teman lelaki tidak takut memberitahu ibu dia ingin mengahwini saya, malangnya ibu tidak sempat melihat kami disatukan kerana meninggal dunia.

Hingga sekarang saya masih bercinta dengan teman lelaki kerana dia banyak memberi dorongan. Malangnya dia sudah beristeri dan mempunyai tiga cahaya mata.

Saya tidak kisah hidup

bermadu, namun teman lelaki asyik mungkir janji untuk mengahwini saya. Tahun demi tahun dia berjanji namun tidak ditepati.

Dia juga berjanji untuk memberitahu isterinya dan menurut teman lelaki, isterinya memang menentang implan kami. Dia berjanji sekiranya isterinya tidak membenarkan dia berkahwin, kami akan melangsungkan perkahwinan secara rahsia.

Akhirnya saya nekad memberitahu isterinya, malangnya disebabkan tindakan saya itu, kami bergaduh besar. Teman lelaki begitu marah, namun saya sanggup menerimanya kerana sayang. Saya juga memberitahu hubungan ini kepada keluarga.

Bagaimanapun, kini saya tertekan kerana takut menanggung malu sekiranya perkahwinan kami tidak berlangsung. Saya juga pernah bergaduh dengan isterinya.

Saya sayangkan teman lelaki namun tidak sanggup menunggu dan ditipu. Apa yang perlu saya lakukan?

PASRAH, Kuala Lumpur

Jawapan

KISAH cinta adik ibarat penderitaan terindah yang paling dicari. Cinta adik terhadap kekasih juga ibarat badir kerana perkenalan, bersemi kerana perhatian dan bertahan kerana kesetiaan.

Namun cinta adik boleh gugur demi pembohongan. Jika kekasih benar-benar ikhlas mencintai adik, dia akan mengharungi apa saja badai yang mendatang.

Tetapi ia tidak bertaku dalam perhubungan adik berdua. Pelbagai alasan diberi untuk tidak mengambil adik sebagai suri hidupnya. Kekasih adik juga tidak mempertahankan adik apabila bertakut pergaduhan

dengan isterinya. Isyarat ini menunjukkan tiadanya kesungguhan kekasih adik untuk mengikat perhubungan melalui perkahwinan.

Tahun demi tahun adik menunggu. Hanya kehampaan dan kekecewaan dialami. Masa berlalu dan adik tidak berpeluang mencari kasih lain kerana terikat perasaan dengan suami orang.

Lebih baik adik berterus terang bertanya apakah hala tuju perhubungan adik dengan suami orang itu. Jika dia benar-benar ikhlas dalam perhubungan ini, tiada sebab lagi untuk tidak menyunting adik. Namun, jika alasan demi alasan diberikan, ia adalah isyarat nyata bahawa mencintainya ibarat mimpi sehingga adik terduduk selamanya.